

Kurang subsidi hanya untuk golongan maha kaya - PM

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pengurangan pemberian subsidi hanya kepada golongan berpendapatan tinggi (T20) manakala golongan M40 dan B40 masih lagi menerima manfaat tersebut.

Justeru, beliau mempersoal tindakan segelintir pemimpin pembangkang yang menggerakkan kempen mendakwa kerajaan ketika ini mengurangkan pemberian subsidi kepada semua lapisan masyarakat.

"Saya kurang faham, di mana kurangnya subsidi? Kerajaan kurangkan (subsidi elektrik dan haji) hanya bagi golongan maha kaya, bukan untuk rakyat.

"Pemberian subsidi tidak dikurangkan bagi majoriti rakyat dan 90 peratus tidak terkesan. Malah, kadar elektrik bagi industri sederhana kecil (IKS) dan makanan tidak dinaikkan.

"Kenapa mahu politikkan isu ini? Soalnya semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr. Radzi Jidin (PN-Putrajaya) mengenai pendekatan pengurangan pemberian subsidi yang membebaskan rakyat.

Pada 22 Mei lalu, Anwar mengumumkan, T20 tidak akan lagi menikmati subsidi elektrik apabila kerajaan memutuskan penguna yang kaya-raya menanggung sepenuhnya kos tersebut.

Beliau berkata, ia hanya terpakai kepada golongan T20 yang menghuni rumah besar kerana yakin mereka mampu membayar kos elektrik dengan harga yang tinggi.

Selain itu, beliau berkata, golongan T20 juga tidak akan menerima lagi subsidi menuaikan haji dan mereka harus menanggung kos tersebut sepenuhnya berjumlah RM30,850 seorang seperti yang diumumkan Lembaga Tabung Haji (TH) sebelum ini.



ANWAR Ibrahim ketika sesi Pertanyaan-pertanyaan Perdana Menteri pada Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen, semalam. -IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA